


CONDONG YANG AKAN MENONGKAT, REBAH YANG AKAN MENEGAK!

Petugas Jabatan Kewangan

Saya merupakan seorang petugas dari Jabatan Kewangan. Bagi saya, cabaran bertugas di jabatan ini adalah atas faktor kegunapakaian sistem yang tidak automatik sepenuhnya menyumbang kepada pelaksanaan tugas yang kurang berimpak tinggi kerana terlalu banyak sumber (seperti masa dan tenaga) terpaksa digunakan melengkapkan satu-satu kerja.

Malah, kekurangan sumber tenaga apabila tiada pengisian jawatan bagi kekosongan petugas yang telah bersara menambah bebanan kepada petugas sedia ada. Ini meningkatkan kadar stres dan mengurangkan tahap motivasi, di mana dalam jangka panjang, memberi kesan kepada produktiviti dan persekitaran dan budaya kerja yang negatif. Selain itu, majoriti isu dan aduan yang diterima oleh organisasi adalah berkaitan dengan isu kewangan. Ini menyumbang kepada penurunan keberkesanan perkhidmatan yang ditawarkan kepada pelanggan dalam mahupun luaran.



Pada pendapat saya, dengan adanya Prosedur Operasi Standard (SOP) yang lengkap dan terperinci merupakan elemen penting dalam menghasilkan mutu kerja yang tinggi. Dalam pada itu, apabila berlaku pertukaran petugas, tidak kira sama ada pertukaran antara seksyen mahupun jabatan, deskripsi kerja hendaklah diberikan dengan jelas supaya tidak berlaku pertindanan skop kerja atau bidang kerja yang berada di luar liputan. Saya berharap pihak pengurusan mengambil berat dan mengambil tahu tentang perkara ini.

Petugas Jabatan Sumber Manusia

Saya merupakan seorang petugas di Jabatan Sumber Manusia yang bertanggungjawab dalam mengendalikan sistem bagi pengemaskinian maklumat petugas-petugas dan menyelaras pengurusan data dan maklumat untuk rujukan masa hadapan. Cabaran yang sering dihadapi adalah berkaitan dengan pengendalian pertanyaan sama ada dari pihak petugas sendiri mahupun pihak ketiga. Tugas ini melatih saya menjadi seorang yang cekap dan efisien dalam memberi maklumbalas kerana ia memerlukan kadar tindakan segera dan melibatkan akauntabiliti dan kerahsiaan maklumat.

Sehubungan itu, saya sentiasa mengamalkan sikap ambil peduli dalam menjalankan tanggungjawab dan sentiasa memotivaskan diri agar sentiasa menjadi seorang yang positif dan proaktif kerana bagi saya, kita harus mengambil inisiatif untuk merebut peluang mendalamai bidang tugas kita. Saya berpegang kepada kata-kata Chrissy Scivicque, seorang jurulatih profesional, yang menekankan konsep 5P untuk mencapai kejayaan proaktif iaitu :

- **Ramal (Predict)** : adalah untuk melatih diri kita untuk berfikir cabaran yang bakal dihadapi dan cara mengatasinya.
- **Rancang (Plan)** : supaya kita dapat merancang dan memastikan pelaksanaan dapat diimplementasikan di masa hadapan.
- **Halang (Prevent)** : kita perlu mengenal pasti halangan yang berpotensi mengganggu kemajuan dan kejayaan dan mencegah daripada berlaku.
- **Sertai (Participate)** : kita berusaha menjadi sebahagian daripada pasukan untuk mencari jalan penyelesaian.
- **Laksana (Perform)** : kita sentiasa mengambil tindakan yang efektif dan kena pada masanya.

Secara keseluruhan, pada pandangan saya, petugas dan majikan memainkan peranan penting untuk mengelakkan kita, sebagai satu pasukan, sampai di tahap 'burn out'. Ini kerana apabila kita terlalu penat dari segi emosi dan mental, kita tidak mampu melakukan sebarang perubahan yang akan mendatangkan manfaat kepada organisasi dan juga sebaliknya. Ini juga menjadi faktor penyumbang kepada penurunan prestasi seseorang mahupun organisasi oleh kerana kepakaran dan kemahiran petugas dan sumber-sumber organisasi tidak dapat dioptimakan.